

AMALAN KESANTUNAN BERBAHASA DALAM RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH MENERUSI PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM DAN TASAWUF
THE PRACTICE OF POLITENESS IN LANGUAGE IN THE TREATMENT AND RECOVERY OF DRUGS THROUGH THE APPROACHES OF ISLAMIC PSYCHOSPIRITUAL AND TASAWUFKhazri Osman^{1*} Mohd Farid Mohamad Japeri² Abu Dardaa Mohamad³ Mohamad Azrien Mohamed Adnan⁴¹ Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. khazri@ukm.edu.my² Calon Sarjana Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. p106847@siswa.ukm.edu.my³ Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. dardaa@ukm.edu.my⁴ Guru Bahasa, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, UM. mdazrien@um.edu.my

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

Selepas Pembetulan: 16 April 2022

Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Kesantunan berbahasa ialah penggunaan bahasa yang tertib dan halus, bahasa yang mempunyai nilai hormat kepada seseorang, mempunyai unsur keteguhan dan persetujuan, mempunyai nilai kerendahan hati, kesetiaan dan berintegriti ketika berkomunikasi. Walaupun kesantunan bahasa amat sinonim dengan masyarakat Timur termasuklah masyarakat Melayu, pengamalannya dalam dunia rawatan penagihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf masih belum dikaji secara menyeluruh khususnya kesepakatan pakar dalam bidang berkaitan. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data kajian daripada 12 orang pakar yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun dalam bidang psikospiritual Islam dan tasawuf dalam rawatan penagihan dadah. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua elemen kesantunan bahasa yang diketengahkan oleh Leech menepati syarat iaitu nilai threshold (dkonstruk) adalah kurang daripada 0.2 dan peratusan kumpulan pakar pula melebihi 75 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa elemen kesantunan bahasa yang diperkenalkan oleh Leech dan kesemua item yang terkandung dalamnya dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar. Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan dalam rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf.

Kata kunci

Kesantunan, berbahasa, psikospiritual, pemulihan, dadah

Abstract

The politeness in Language is the use of orderly and refined language, a language that has a respect for one, has an element of strength and consent, has a value of humility, loyalty and integrity when communicating. Although the language politeness is synonymous with Eastern society including the Malay community, its practice in the world of drug addiction treatment through Islamic psychospiritual approaches and Sufism has not been fully studied in particular in the field of specialist expertise. This quantitative study uses questionnaires to collect the data from 12 experts who have more than 10 years of experience in the field of Islamic psychospiritual and Sufism in drug addiction treatment. The data were analyzed using the Fuzzy Delphi method. The findings show that all elements of Leech's language-based elements meet the requirements of threshold values of less than 0.2 and that the percentage of expert groups exceeds 75 percent. This indicates that the language elements introduced by Leech and all of the items contained therein are agreed upon by expert agreement. The findings of this study can be used in the treatment and recovery of drugs through Islamic psychospiritual approaches and Sufism.

Keywords*Politeness, language, psychospiritual, treatment, drugs*

1.0 Pengenalan

Pengamalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi oleh sesebuah komuniti amat penting untuk mengekalkan hubungan baik antara ahli dalam organisasi, industri dan masyarakat. Keharmonian hubungan antara penutur dengan pendengar dapat dijamin menerusi kesantunan bahasa. Rabahyah Tahir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) memetik pandangan Leech (1983) bahawa hubungan yang mesra menimbulkan kerelaan pendengar untuk memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang perbualan. Melalui kesantunan juga komunikasi sesama individu, ahli dalam organisasi atau komuniti dapat dijayakan tanpa sebarang konflik walaupun dalam diskusi berat dan kompleks yang merentas kepelbagaian budaya.

Dalam kajian oleh Hurley EA et al. (2017) komunikasi lisan dan bukan lisan termasuklah gaya komunikasi yang efektif boleh mempengaruhi pematuhan pesakit. Kelemahan gaya komunikasi boleh menjadi salah satu punca pesakit tidak dapat memahami mesej yang ingin disampaikan oleh doktor yang akhirnya boleh menyebabkan pesakit tidak berpuas hati. Apabila ketidakpuasan ini berlaku, maka pesakit enggan meneruskan rawatannya. Kebanyakan kajian di Barat lebih menekankan peranan komunikasi berpusatkan pesakit sedangkan masyarakat Timur lebih mementingkan layanan baik dan mesra seorang doktor terhadap pesakitnya. Hal ini selaras dengan dapat dalam kajian yang dilakukan oleh Fauziah Ismail & Bahiyah Omar (2018) bahawa gaya komunikasi doktor yang mengutamakan kesopanan, kesantunan, kemesraan dan menunjukkan kasih sayang menjadi faktor terpenting dalam mempengaruhi kepuasan pesakit. Kajian ini turut mencadangkan agar kajian lanjut dapat dilakukan di pusat rawatan swasta.

Penagihan dadah diklasifikasikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai satu penyakit kronik dan mudah relaps, yang memberikan kesan langsung terhadap sistem saraf pusat manusia iaitu. Individu yang bergantung pada dadah sepenuhnya sukar untuk dipulihkan dan akan mudah terjerumus kembali dalam penagihan pada bila-bila masa selepas menjalani rawatan dan pemulihan, atau semasa berada dalam proses pemulihan. Keadaan ini disebabkan oleh ketidakupayaan individu itu untuk bertindak terhadap situasi-situasi berisiko tinggi, dari segi pemikiran, perasaan, dan tingkah laku yang dihadapi oleh mereka semasa melalui proses kepulihan (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2019). Syarak mengharamkan penyalahgunaan dadah. Sebagai agama yang seimbang, Islam mementingkan pencegahan dan perawatan selain menggunakan pendekatan hukuman dalam masalah-masalah tertentu. Dalam usaha merawat dan memulihkan penagih dadah dan rasa ketagihan, terapi psiko kerohanian adalah salah satu kaedah yang berkesan (Muhammad Yusuf Khalid, 2008). Pelaksanaan pelbagai jenis ibadah dalam modul psikospiritual yang menekankan amalan utama seperti solat, zikir, puasa dan aktiviti berjemaah dapat membantu pelatih kekal pulih daripada ketagihan dadah seterusnya membina jati diri yang kukuh. Hal ini telah dibuktikan dalam kajian oleh Maisarah Saidin et al. (2021) di sebuah Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) yang menggunakan pendekatan psikospiritual. Dalam kajian ini 25 peratus daripada jumlah keseluruhan penagih baharu yang masih dalam rawatan di tempat tersebut berjaya bergelar hafiz al-Quran. Kejayaan ini dapat diraih walaupun dalam tempoh yang singkat. Klien di tempat ini banyak menghabiskan masa dengan aktiviti menghafal al-Quran serta pengisian kerohanian yang lain. Hasil pemulihan yang berjaya dicapai oleh klien di pusat rawatan terbabit telah mendorong dua orang bukan Islam untuk mendaftarkan diri masuk ke pusat CCRC terbabit. Nursyahidah Ibrahim et al. (2021) memetik pandangan yang mengatakan bahawa kaedah pemulihan dan rawatan yang digunakan di tempat yang menggunakan pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf seperti di PRI berkesan merawat enam aspek pada diri manusia iaitu fungsi psikologi, diri sendiri, sokongan sosial, perubahan tingkah laku, sikap dan tekanan hidup. Upaya psikologi anak bina juga lebih meningkat pada aspek kawalan perasaan, keupayaan kognitif, daya ingatan dan keupayaan berhujah. Dalam rawatan dan pemulihan, proses mengingati dan menghayati semula asas agama seperti solat dan fardu ain serta mendapat keinsafan diri mengakui dapat membina semula keyakinan diri, membetulkan salah faham terhadap Islam yang selama ini dianggap bersifat menghukum (Mohd Izwan Md Yusof & Saiful Azhar Saadon, 2015). Pendekatan kerohanian yang digunakan dalam Islam dilihat sesuai untuk mengembalikan kepada fitrah kejadian manusia. Penyakit rohani tidak boleh dirawat atau diubatkan dengan menggunakan suntikan ubat, kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dibimbing dengan terapi kerohanian. Menurut ulama tasawuf, kejahatan tidak boleh dihapuskan dengan pedang. Sebaliknya kejahatan boleh ditangani dengan taubat dan al-Quran (Sabir Abdul Ghani & Fadzli Adam 2014).

Berdasarkan premis ini, maka kajian tentang amalan kesantunan berbahasa dalam rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf wajar dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai pusat rawatan bukan kerajaan atau swasta, sudah tentu perawat

di sini tidak tertakluk pada kod etika kelakuan sebagaimana yang diguna pakai di pusat rawatan kerajaan. Kajian oleh Fauziah Ismail & Bahiyah Omar (2018) sendiri telah membuktikan bahawa kesantunan dan kemesraan yang ditunjukkan oleh doktor sebagai perawat dapat mempengaruhi kepuasan pesakit atau klien. Dalam konteks rawatan dan pemuliharaan dadah, elemen-elemen kesantunan berbahasa sememangnya diamalkan oleh pegawai pemulihan terhadap klien. Oleh sebab itu, kajian perlu dilakukan untuk mendapatkan kesepakatan pakar dalam penerapan elemen-elemen ini. Jika dibuat perbandingan dengan kajian lepas oleh Fauziah Ismail & Bahiyah Omar (2018), maka bolehlah dikatakan bahawa pegawai pemulihan di pusat rawatan dan pemulihan berperanan sebagai perawat atau doktor manakala pesakit pula menyamai peranan klien yang dirawat dan dipulihkan.

3.0 Sorotan Literatur

Islam amat mementingkan amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi seharian. Dalam kajian oleh Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Aini (2015), al-Quran menekankan aspek kesantunan sebagai etika komunikasi dalam surah al-Nisa ayat 9, yang dikaitkan dengan kejujuran ketika berbicara, dalam surah al-Nisa ayat 8, yang menyuruh manusia menjaga perasaan orang lain dan dalam surah al-Nisa ayat 63 yang memfokuskan pada kemampuan maklumat untuk meninggalkan kesan dalam hati pendengar. Asmah Haji Omar (2000) mendefinisikan kesantunan bahasa sebagai penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan perasaan gusar, marah dan tersinggung pihak lawan tutur. Noriati A.Rashid (2005) mengukuhkan bahawa kesantunan ialah penggunaan kata-kata yang sesuai, yang tidak menimbulkan konflik dan sentiasa menjaga air muka pendengar. Dalam hal yang sama, Noor Fadilah Dawi & Asiah Abas (2020) menjelaskan kesantunan bahasa mempunyai maksud yang amat luas dan tidak terbatas dalam had maksud yang tertulis dalam kamus sahaja. Hal ini demikian kerana masih terdapat elemen kesantunan lain yang perlu dimasukkan sebagai takrif kesantunan, bergantung pada konteks dan situasi individu itu sendiri. Penerapan kesantunan dalam berbicara dapat mengelakkan konflik sekali gus memastikan objektif komunikasi dapat direalisasikan (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2016). Kajian oleh Sara Beden (2020) juga mencadangkan supaya ungkapan-ungkapan bertatasusila dalam pertuturan sewajarnya dibudayakan dalam semua situasi oleh semua pihak agar masyarakat Malaysia berupaya melestarikan dan memelihara kesopanan berbahasa yang menjadi tunjang ketamadunan bangsa. Masyarakat Timur didapati amat mementingkan kesopanan ketika menuturkan sesuatu perkara termasuklah ketika membuat penolakan terhadap permintaan terutamanya jika permintaan tersebut datangnya daripada kawan yang akrab. Jika dibandingkan antara pelajar Melayu dengan yang bukan Melayu, didapati pelajar Melayu pelajar Melayu masih kekal dengan sifat sopan santun dalam berbahasa. Rakyat Malaysia yang berpegang teguh pada budaya Timur hendaklah mementingkan penggunaan bahasa yang tepat dan halus serta tidak menjatuhkan air muka orang lain tanpa mengira umur, jantina, etnik dan sebagainya ketika berinteraksi (Nasariah Mansor 2010 et al.).

Arina Johari & Indirawati Zahid (2016) memetik kajian oleh Tanaka (2015) yang melakukan kajian terhadap ujaran kaunselor, pengacara dan pemanggil dalam 27 rancangan bertajuk "*Terefon Jinsei Soodan*", iaitu siaran radio Nippon Hoosoo di Jepun. Antara dapatan kajian beliau termasuklah kepentingan kepelbagaian lakuan bahasa untuk menyampaikan nasihat. Namun begitu, kajian ini hanya meneliti aspek muka dengan melihat ciri-ciri formal ketika nasihat diberikan dan tahap penerimaan pendengar terhadap nasihat tersebut. Sementara itu, kajian oleh Marlyna Maros (2011) menunjukkan bahawa penutur asli budaya Timur amnya, dan Melayu amnya masih berpegang pada nilai budaya mereka meskipun telah melalui proses urbanisasi, modenisasi dan globalisasi. Dalam kajian oleh Indirawati Zahid & Nasihah Hashim (2018) juga membuktikan bahawa ada banyak strategi dan struktur yang boleh diterapkan oleh seseorang yang ingin mengkritik. Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tidak ada satu cara yang tetap dan mesti digunakan dalam melakukan kritikan. Indirawati Zahid (2019) turut menegaskan bahawa penutur perlu mengamalkan kebijaksanaan berbahasa dalam menyampaikan sesuatu mesej supaya kesemua mesej dapat diterima dengan baik.

Ramai penyelidik telah mengkaji tentang kesantunan berbahasa daripada pelbagai sudut dan pendekatan. Tidak kurang pengkaji yang menekankan kepentingan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat Timur. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu terkenal dengan penggunaan bahasa yang halus dan sopan yang mencerminkan kesantunan Melayu-Islam. Secara umumnya, tidak banyak kajian kesantunan berbahasa yang menyentuh bidang rawatan pemulihan dan penagihan dadah sedangkan rawatan ini sememangnya wujud dalam masyarakat. Perbincangan dalam makalah ini bertujuan untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh tentang kesepakatan pakar terhadap

prinsip kesantunan bahasa yang terkandung dalam Maksim Leech di samping membantu penyelidik meneliti skop dan pendekatan yang bersesuaian bagi kajian yang dilaksanakan ini. Pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf adalah rawatan tradisional yang penting kerana manusia perlu kembali kepada kejadian asalnya. Kajian lampau juga membuktikan bahawa pendekatan kerohanian berasaskan Islam terhadap klien atau penagih dadah memberikan hasil pemulihan yang memberangsangkan (Abu Bakar Ahmad Mansor 2020 et al.). Antara kajian yang terkini termasuklah kajian oleh Hieda Noviyanty (2019) yang menyimpulkan bahawa kaedah psikoterapi spiritual Islam yang berasaskan al-Quran dan sunnah berupaya memulihkan penagih dadah. Model psikoterapi spiritual di padepokan As Syifa dibina berasaskan empat domain iaitu mandi taubat, solat taubat, zikir dan terapi *ruqyah*. Mandi taubat diukur dengan pembersihan diri, solat taubat diukur melalui pengosongan diri, zikir diukur melalui pengisian diri dan terapi *ruqyah* diukur dengan perawatan diri secara fizikal dan spiritual. Langkah ini boleh menyebabkan klien ingat akan Allah SWT selalu. Bukan sahaja penagih atau klien bahkan pendekatan ini boleh menjadi pedoman bagi umat Islam khususnya untuk menjadi insan yang berakhlak mulia.

Pelbagai kajian telah dilakukan sebelum ini tetapi kajian tentang aspek bahasa yang digunakan dalam rawatan tersebut masih belum dikaji secara tuntas. Diharapkan kajian ini yang menggunakan prinsip Maksim Leech dan teknik *Fuzzy Delphi* dapat mengisi kelompangan kajian.

4.0 Objektif Kajian

Berdasarkan premis ini, maka kajian ini dilakukan untuk meninjau kesepakatan pakar tentang kesantunan bahasa yang diamalkan dalam rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf. Dapatan kajian ini amat diperlukan kerana pengamal, jurulatih dan perawat yang menggunakan pendekatan tasawuf seharusnya memahami dan mengetahui pendekatan bahasa yang digunakan sebelum menerapkan kepada pelatih di pusat rawatan.

5.0 Kerangka Teoretikal Kajian

Kajian ini memanfaatkan firman Allah SWT dalam surah al-Isra' (17:23) yang bermaksud: Janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Tabari (2001) menukilkan beberapa pandangan, *qawl karim* yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah kata-kata yang lembut, sopan dan yang terbaik. Kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu merangkumi beberapa dimensi, baik yang bersifat verbal mahupun yang bukan verbal. Menurut Teo Kok Seong, kesantunan berbahasa banyak bergantung pada pemboleh ubah sosial dan sosiobudaya. Antaranya termasuklah budaya yang terlibat, usia dan jantina, kelas sosial dan pekerjaan, serta peranan dan status pihak yang mendengar atau diajak bercakap. Penggunaan bahasa ini bertujuan untuk berlaku sopan kepada orang yang mendengar, menghormati dan memperlihatkan kesopanan terhadap orang yang bercakap agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa (Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin, 2019).

Kesopanan dinyatakan dan diluahkan menerusi jarak sosial antara penutur, perbezaan peranan, penjagaan air muka selain menggunakan ungkapan bertatasusila menerusi interaksi secara tatap muka. Sarjana Barat, iaitu Lakoff memerihalkan kesopanan sebagai perlakuan yang mengurangkan pergeseran dalam interaksi dan penutur sentiasa memberikan keselesaan kepada pendengar dalam interaksi (Sara Beden, 2020). Keenam-enam prinsip atau maksim kesantunan Leech diperincikan seperti yang berikut:

Maksim	Huraian
1. Kebijaksanaan (<i>Tact</i>)	Maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain.
2. Kedermawanan (<i>Generosity</i>)	Maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri.
3. Sokongan (<i>Approbation</i>)	Maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.
4. Kerendahan Hati (<i>Modesty</i>)	Maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
5. Persetujuan (<i>Agreement</i>)	Maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.

6. Simpati (*Sympathy*) Maksim yang meminimumkan antipati (rasa benci) antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Sumber : (Leech, 1983)

Leech (1983) berpendapat bahawa maksim yang dinyatakan seperti dalam jadual ini bukanlah wajib dipatuhi. Akan tetapi maksim-maksim ini bertindak sebagai pengawal yang perlu diikuti dalam situasi perbuahan. Walau bagaimanapun, maksim yang dikemukakan oleh Leech boleh dianggap ada kesesuaiannya dengan ajaran Islam. Misalnya, Maksim merendah diri atau kerendahan hati, maksim budiman dan maksim berhemah yang menonjolkan ciri keperibadian baik sekali gus menjadikan maksi tersebut sesuai dengan tuntutan agama. Kemudian, Leech juga cuba menjelaskan bahawa untuk menilai tahap kesantunan dalam diri individu, prinsip dan konsep kesantunan ini perlu diaplikasikan bagi mengukur tahap kesantunan tersebut. Hal ini demikian kerana keenam-enam maksim kesopanan Leech merupakan saranan yang membentuk ujaran yang sopan dan beradab dalam pelbagai situasi seterusnya dapat membantu penutur untuk membentuk strategi kesopanan dalam komunikasi (Mohd Khaidir Abdul Wahab et al. 2021). Berdasarkan pandangan ini, maka wajarlah firman Allah SWT dalam surah al-Isra' (17:23) dan Prinsip Kesopanan Leech dijadikan sebagai teori bagi kajian ini untuk meninjau amalan kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf.

6.0 Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasi *Fuzzy Delphi Method* (FDM) bagi mendapatkan kesepakatan pakar untuk meninjau elemen kesantunan bahasa yang diamalkan dalam rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf. *Fuzzy Delphi* bukanlah satu teknik baharu sebaliknya teknik ini adalah satu instrumen yang ditambahbaik terhadap kaedah Delphi sedia ada dan menjadikannya satu alat pengukuran yang lebih efektif (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. 2013). Antara kelebihan FDM adalah kerana metode ini dapat menjimatkan masa dan kos dalam menguruskan soal selidik berbanding teknik Delphi biasa. Di samping itu, FDM juga memberikan peluang seluas-luasnya kepada panel pakar yang dipilih untuk memberikan pandangan mereka secara konsisten

Jones dan Twiss berpandangan bahawa bilangan pakar yang dianggap sebagai responden kajian adalah antara 10 hingga 50 pakar (Nurulrabihah Mat Noh et al. 2019). Penegasan bilangan pakar bagi kaedah ini juga selari dengan pandangan pengkaji terdahulu bahawa jumlah pakar yang dibenarkan adalah 10 ke 15 pakar sekiranya kesepakatan dan keseragaman pakar adalah tinggi (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. 2015). Dalam kajian ini, seramai 12 orang pakar telah dipilih yang memiliki pengalaman melebihi 10 tahun dalam mengamalkan pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf dalam rawatan dan pemulihan dadah. Jadual 1 menunjukkan profil pakar yang terlibat:

Jadual 1

Pakar	Kelulusan	Pengalaman
P1	Ijazah Sarjana Pengajian Islam	11 tahun
P2	Diploma Siswazah Penyalahgunaan Dadah	12 tahun
P3	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling	15 tahun
P4	Ijazah Sarjana Kaunseling	14 tahun
P5	Ijazah Sarjana Muda Psikologi	15 tahun
P6	Ijazah Sarjana Muda Psikologi	16 tahun
P7	Ijazah Sarjana Pengurusan Komunikasi	15 tahun
P8	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam	14 tahun
P9	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam	15 tahun
P10	Ijazah Sarjana Sains Sosial	20 tahun
P11	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling	15 tahun
P12	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling	15 tahun


Instrumen kajian ialah set soal selidik yang mengandungi enam item amalan kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf.

Bagi melaksanakan FDM untuk kajian ini, item-item ditentukan dan disusun menerusi dapatan Fasa I dalam bentuk yang kemas serta boleh dikuasai oleh panel pakar. Kemudian sekumpulan pakar dipilih untuk memberikan idea, mengkritik dan menambah baik kandungan item yang ditentukan. Para pakar diminta menyatakan aras persetujuan terhadap setiap item sama ada teramat tidak setuju, sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana setuju, setuju, sangat setuju dan teramat setuju. Pemilihan skala tujuh mata ini digunakan oleh pengkaji

kerana semakin tinggi bilangan skala semakin jitu dan tepat data yang diperoleh (Rashidah Mohd et al. 2018). Setelah semua pakar menandakan aras persetujuan masing-masing, para pakar diberi peluang untuk memberikan pandangan masing-masing terhadap setiap item. Data daripada Skala Likert yang diperoleh kemudian diterjemahkan kepada bentuk data nombor skala Fuzzy dan dianalisis. dengan menggunakan penomboran Fuzzy yang terdiri daripada penomboran binary terms (0,1).

6.1 Pengumpulan dan Penganalisisan Data Menerusi Teknik Fuzzy Delphi

Terdapat dua aspek penting dalam teknik Fuzzy Delphi iaitu Triangular Fuzzy Number dan proses Defuzzification. Triangular Fuzzy Number disusun dengan nilai m_1 , m_2 dan m_3 dan ia biasanya ditunjukkan dalam bentuk (m_1, m_2, m_3) . Nilai m_1 mewakili nilai minimum, nilai m_2 mewakili nilai munasabah manakala nilai m_3 mewakili nilai maksimum. Triangular Fuzzy Number digunakan untuk menghasilkan skala Fuzzy (yang sama seperti skala Likert) bagi tujuan menterjemahkan pemboleh ubah linguistik kepada nombor fuzzy. Bilangan aras persetujuan atau tahap bagi skala Fuzzy adalah dalam bilangan ganjil (Mohd Ridhuan Jusoh & Nik Mohd Rahimi, 2015). Lebih tinggi skala Fuzzy, lebih jitu data yang diperoleh sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Aras Persetujuan Skala Fuzzy

Data skala Likert yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program Excel untuk penjadualan lebih kemas. Semua data ditukarkan ke dalam bentuk *Triangular Fuzzy Number*. Di dalam kajian ini, pengkaji memilih skala linguistik 7 mata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 2: Skala kajian

Aras Persetujuan (7 mata)	Nombor Fuzzy		
	m1	m2	m3
1- Teramat Tidak Setuju	0.0	0.0	0.1
2- Sangat Tidak Setuju	0.0	0.1	0.3
3- Tidak Setuju	0.1	0.3	0.5
4- Sederhana Setuju	0.3	0.5	0.7
5- Setuju	0.5	0.7	0.9
6- Sangat Setuju	0.7	0.9	1.0
7- Teramat Setuju	0.9	1.0	1.0

Sumber: (Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh, 2020)

Jadual 2 memperlihatkan bahawa semakin tinggi nombor pada skala, semakin tepat dan jitu data yang diperoleh. Data-data kemudian dijadualkan untuk mendapatkan nilai Fuzzy (n_1, n_2, n_3) serta nilai purata Fuzzy (m_1, m_2, m_3) bagi mendapatkan nilai *threshold*, peratusan konsensus pakar, *defuzzification* dan *ranking item*.

Bagi tujuan mendapatkan konsensus pakar untuk setiap item, nilai *threshold* seharusnya tidak melebihi 0.2. Peratusan persetujuan pakar pula perlu melebihi nilai 75% manakala nilai *defuzzification* bagi setiap item perlu melebihi nilai α -cut = 0.5. Untuk mendapatkan nilai *threshold*, jarak antara dua nombor Fuzzy ditentukan dengan menggunakan formula berikut iaitu:

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Rajah 3: Formula penentuan jarak di antara dua nombor Fuzzy

Berdasarkan formula pada Rajah 2, nilai d adalah nilai *threshold*. Jika nilai $d \leq 0.2$, ia bermaksud kesemua pakar mencapai kesepakatan (konsensus) terhadap item berkenaan. Namun jika sebaliknya, pusingan kedua perlu dibuat untuk melihat sama ada item tersebut diperlukan atau tidak (Chen, 2000:1-9, Cheng & Lin, 2002: 174-186). Teknik Fuzzy Delphi juga melibatkan proses menentukan kesepakatan kumpulan pakar sama ada melebihi atau bersamaan dengan 75% bagi keseluruhan konstruk atau bagi setiap item. Setiap item diandaikan mencapai konsensus pakar jika peratusan kesepakatan pakar untuk item berkenaan adalah sama atau melebihi 75% (Chu & Hwang, 2008, Murray & Hammons, 1995). Proses *defuzzification* turut dilakukan dalam proses penganalisan data kajian Teknik Fuzzy Delphi. Ia adalah proses menentukan kedudukan atau keutamaan bagi setiap item atau untuk menentukan kedudukan bagi setiap pemboleh ubah mahupun sub-pemboleh ubah sebagaimana yang dinyatakan dalam Mohd. Riduan Mohd Jamil et al. (2013).

7.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Konsensus Pakar Fuzzy Delphi terhadap amalan kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf

Terdapat enam item yang diberikan kepada pakar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2:

Maksim	Item
1. Kebijaksanaan (<i>Tact</i>)	Ujaran yang beradab ketika menyuruh, memerintah dan memberikan arahan tanpa menyinggung perasaan pelatih yang menjalani rawatan.
2. Kedermawanan (<i>Generosity</i>)	Ujaran yang tidak mendatangkan kos atau membebaskan pelatih yang sedang menjalani rawatan.
3. Sokongan (<i>Approbation</i>)	Pengurangan cacian dan membanyakkan kata-kata pujian terhadap pelatih yang sedang menjalani rawatan.
4. Kerendahan Hati (<i>Modesty</i>)	Penggunaan ujaran yang menunjukkan permohonan maaf terhadap pelatih yang sedang menjalani rawatan.

5. Persetujuan (*Agreement*) Pengelakan ujaran yang boleh menimbulkan perbalahan dengan pelatih yang sedang menjalani rawatan
6. Simpati (*Sympathy*) Penggunaan ujaran yang boleh menunjukkan rasa simpati terhadap pelatih yang sedang menjalani rawatan.

Nilai *threshold* (d), peratusan konsensus pakar dan *defuzzification* bagi item-item ini ditunjukkan dalam Jadual 3:

Jadual 3: Nilai *Threshold* (d), Peratusan Konsensus Pakar dan *Defuzzification*

Pakar	1	2	3	4	5	6
Pakar 1	0.014	0.029	0.005	0.058	0.014	0.024
Pakar 2	0.014	0.029	0.005	0.000	0.043	0.034
Pakar 3	0.043	0.029	0.053	0.000	0.043	0.034
Pakar 4	0.014	0.029	0.005	0.058	0.014	0.024
Pakar 5	0.014	0.029	0.005	0.000	0.014	0.024
Pakar 6	0.043	0.029	0.005	0.000	0.014	0.034
Pakar 7	0.014	0.029	0.005	0.231	0.014	0.034
Pakar 8	0.014	0.029	0.005	0.058	0.043	0.034
Pakar 9	0.014	0.029	0.005	0.000	0.014	0.024
Pakar 10	0.014	0.029	0.005	0.000	0.014	0.024
Pakar 11	0.014	0.029	0.005	0.058	0.014	0.024
Pakar 12	0.043	0.029	0.005	0.000	0.014	0.024
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Item	0.022	0.029	0.009	0.038	0.022	0.028
Bilangan Item $d \leq 0.2$	18	18	19	18	19	20
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	90%	90%	95%	90%	95%	100%
Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar			91%			

* Kaedah 1: Nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 = Terima

** Kaedah 2: Peratus Pakar $\geq 75\%$ = Kesepakatan Kumpulan Terima

Berdasarkan Jadual 3, semua item mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 . Ini bermaksud item tersebut telah mendapat konsensus pakar (Cheng & Lin, 2002: 174-186). Begitu juga peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%. Dapatan ini menunjukkan item-item amalan

kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf telah mendapat konsensus dari para pakar. Item yang disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4:

Jadual 4: Susunan Item Mengikut Keutamaan

No.	Domain Komponen Utama	NILAI SKOR		KEDUDUKAN
		AVERAGE OF FUZZY NUMBER	KESEPAKATAN PAKAR	
1	Ujaran yang beradab ketika menyuruh, memerintah dan memberikan arahan tanpa menyinggung perasaan pelatih yang menjalani rawatan.	0.975	Terima	2
2	Ujaran yang tidak mendatangkan kos atau membebankan pelatih yang sedang menjalani rawatan.	0.950	Terima	4
3	Pengurangan cacian dan membanyakkan kata-kata pujian terhadap pelatih yang sedang menjalani rawatan.	0.992	Terima	1
4	Penggunaan ujaran yang menunjukkan permohonan maaf terhadap pelatih yang sedang menjalani rawatan.	0.900	Terima	6
5	Pengelakan ujaran yang boleh menimbulkan perbalahan dengan pelatih yang sedang menjalani rawatan	0.975	Terima	3
6	Penggunaan ujaran yang boleh menunjukkan rasa simpati terhadap pelatih yang sedang menjalani rawatan.	0.958	Terima	5

Berpandukan jadual 4, menunjukkan amalan kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf mendapat persetujuan pakar. Hanya nilai skor fuzzy yang mempunyai nilai di atas 0.5 sahaja akan disalin dan diletakkan pada bahagian elemen diterima (Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh, 2020).

Jadual 4 melaporkan analisis kesepakatan pakar bagi item amalan kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf. Berdasarkan jadual ini, ada pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Bagi item 4 iaitu "Penggunaan ujaran yang menunjukkan permohonan maaf terhadap pelatih yang sedang menjalani rawatan.", terdapat seorang pakar yang memberikan skala 5. Hal ini selari dengan pandangan Goffman dan Fay Wouk bahawa meminta maaf sebagai lakuan untuk memulihkan keadaan. Meminta maaf salah satu daripada lakuan ekspresif yang mengungkapkan perasaan penutur kepada pendengar. Apabila seseorang mengambil keputusan untuk memohon maaf secara verbal, si penutur pada satu tahap tertentu bersedia untuk memalukan dirinya dan mengaku akan kesalahan tersebut dan bertanggungjawab terhadap kesalahan tersebut. Oleh itu lakuan memohon maaf merupakan keadaan menjaga air muka kepada si pendengar dan menjadi ancaman air muka kepada si penutur. Lakuan maaf boleh diteliti dari sudut penutur atau pendengar. Dari sudut penutur, lakuan maaf merupakan perlakuan/ungkapan maaf yang digunakan oleh pihak yang membuat kesalahan manakala dari pihak pendengar pula lakuan maaf berkaitan dengan kerelaan pendengar melepaskan atau membebaskan seseorang daripada kesalahan yang telah dilakukan itu (Maslida Yusof et al. 2011). Untuk kajian ini nilai threshold konstruk d keseluruhan menunjukkan 0.044 (<0.2).

Sementara itu, peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 91% kesepakatan iaitu melebihi (75%) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap keseluruhan item tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua aspek amalan kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf perlu diamalkan. Kesepakatan pakar jelas menunjukkan bahawa setiap individu yang mengamalkan rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf hendaklah mengamalkan bahasa yang santun khususnya yang berkaitan dengan keenam-enam maksim yang diketengahkan oleh Leech atau lebih dikenali sebagai Prinsip Kesantunan Leech.

Selain itu, kesemua nilai *defuzzication Alpha-Cut (average of fuzzy response)* yang melebihi 0.5 menunjukkan item-item amalan kesantunan bahasa dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf telah mendapat kesepakatan pakar-pakar.

8.0 Kesimpulan

Bahasa sebagai medium komunikasi berperanan menyampaikan maksud daripada individu atau kumpulan kepada pihak yang lain. Bahasa tidak boleh diujarkan sesuka hati. Sebaliknya bahasa perlu dijalinan dengan kesantunan agar pihak yang menerima penerima dapat memberikan respons yang baik serta merasakan dirinya dihargai. Kajian ini memerikan kepentingan penggunaan bahasa yang santun dalam kalangan perawat semasa rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf. Selain perlu memahami istilah dan lenggok bahasa anak bina, kaunselor, perawat dan individu yang menggunakan pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf hendaklah mengutamakan bahasa yang santun khususnya permohonan maaf dan ujaran yang beradab ketika menyuruh. Disebabkan kajian ini dijalankan di tempat pemulihan maka sudah tentu ada kos yang dikenakan kepada anak bina atau pelatih, namun sudah tentu kos tersebut tidak membebankan. Antara dapatan yang penting juga ialah para pakar bersetuju penggunaan kata-kata makian dan yang boleh menyebabkan perbalahan perlu dikurangkan semasa rawatan. Perkara ini amat bertepatan dengan amalan psikospiritual Islam dan tasawuf yang mengambil panduan daripada al-Quran dan hadis. Secara keseluruhannya kajian ini berjaya mengukuhkan bahawa perawat yang terbabit dalam rawatan psikospiritual Islam dan tasawuf mementingkan kesantunan bahasa dalam proses rawatan. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan oleh perawat yang mengamalkan kaedah rawatan secara Islam dan Barat agar bahasa yang baik dan santun dapat diterapkan dalam proses rawatan menurut keutamaannya. Hal ini disebabkan penggunaan bahasa yang tepat dan benar turut menjadi salah satu faktor kepulihan dalam kalangan penagih. Kebenaran tidak semestinya disampaikan dalam nada yang keras dan kasar sebaliknya penutur boleh menggunakan yang lembut tetapi tegas dan berprinsip. Pada masa akan datang, kajian kesantunan berbahasa dalam rawatan dan pemulihan dadah boleh dikaji di pusat-pusat rawatan yang menggunakan pendekatan yang lain pula.

Rujukan

Al-Quran

- Abu Bakar Ahmad Mansor, Khairiah Mohd Yassin & Shukri Ahmad. (2020). Pendekatan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah Dalam Pemulihan Dadah: Satu Meta Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISERD)*, 5(29), 1–9.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2019). *Dasar Dadah Negara*. Selangor: Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri.
- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Maaf. *GEMA Online Journal of Language Studies*.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. (2019). Prinsip Kesopanan dalam Kesantunan Bahasa Drama Zahira. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 15–26.
- Fauziah Ismail & Bahiyah Omar. (2018). Kesan Gaya Komunikasi Doktor Perubatan Terhadap Kepuasan Pesakit. *Jurnal Komunikasi*, 34(3), 73–95.

- Hielda Noviyanty. (2019). *Pendekatan Psikoterapi Spiritual dalam Kaunseling Pemulihan Penagih Dadah Di Padepokan As Syifa Bogor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hurley EA, Harvey SA, Keita M, Kennedy CE, Roter D, Dao S, Doumbia S, W. P. (2017). Patient-provider communication styles in HIV treatment programs in Bamako, Mali: A mixed-methods study to define dimensions and measure patient preferences. *SSM - Population Health, December*, 539–548.
- Indirawati Zahid. (2019). Melayu dan Kritikan: Analisis Kesantunan Mentor 7. *Jurnal Melayu*, 18(2), 131–146.
- Indirawati Zahid & Nasihah Hashim. (2018). Strategi dan Struktur Kesantunan Melayu dalam Kritikan Mentor: Rancangan Realiti Televisyen. *Journal of Language Studies*, 18(2), 134–153. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-10>
- Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. London & New York: Longman.
- Maisarah Saidin, Abdulloh Salaeh, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan & Adnan Mohamed Yusoff. (2021). Rawatan Penagihan Dadah Melalui Terapi Model Psikospiritual Holistik Berasaskan Aspek Ibadah: Satu Kertas Konsep. In *International Conference And Muktamar On Prophetic Sunnah* (pp. 153–162).
- Marlyna Maros. (2011). Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa Dan Kebudayaan Melayu*, 3, 7–20.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros & Muhammad Fadzeli Jaafar. (2011). Oops.. Maaf: Strategi Kesopanan dan Penebus Kesalahan. *Jurnal Melayu*, 8, 27–50.
- Mohd Izwan Md Yusof & Saiful Azhar Saadon. (2015). Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah Melalui Intervensi Kerohanian: Kajian Pelaksanaan Program 2011-2015. In *International Drug Prevention and Rehabilitation Conference*.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim & Wan Azni Wan Mohamad. (2021). Aspek Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Bahasa Melayu: Satu Kajian Perbandingan Dua Buah Negara. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 3(2), 1–20.
- Mohd Ridhuan Jusoh & Nik Mohd Rahimi. (2015). Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Pembangunan Modul Pembelajaran Tatabahasa Arab. *Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 2(2), 193–211.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Farazila Yusof, Nurulrabihah Mat Noh, Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar. (2015). Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Elemen Keusahawanan Bagi Pensyarah Kejuruteraan Politeknik Malaysia. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 5(1), 135–150.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh, & Ahmad Arifin Sapar. (2013). *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan*. Bangi, Selangor: Minda Intelek Agency.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Shah Alam: Qaisar Prestige Resource.
- Muhammad Yusuf Khalid. (2008). Psycho-Spiritual Therapy Approach For Drug Addiction Rehabilitation. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 3(4), 143–151.
- Nasariah Mansor, Faizah Ahmad & Yusniza Yaakub. (2010). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Pelajar IPT: Satu Kajian Perbandingan Etnik. In *Political Managements and Policies in Malaysia: Seminar on National Resilience*.
- Noor Fadilah Dawi & Asiah Abas. (2020). Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah. *MANU*, 31(2), 133–152.
- Noriati A.Rashid. (2005). Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15(1), 232–253.
- Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Aini. (2015). Kesantunan berbahasa dalam komunikasi dakwah. In *Persidangan Kebangsaan Komunikasi, Kemanusiaan, Sains Sosial dan Sains*. Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Nursyahidah Ibrahim, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman & Muhammad Hazim Mohd Azhar. (2021). Nursyahidah Ibrahim,. *Jurnal Usuluddin*, 49(1), 129–150.
- Nurulrabihah Mat Noh, Saedah Siraj, Siti Hajar Halili, Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Zaharah Husin. (2019). Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Elemen Teknologi Sebagai Wadah Dalam Pembelajaran Berasaskan Pemikiran Reka Bentuk. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 34, 129–151.
- Rabahyah Tahir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Penanda Santun dalam Perbualan Kanak-Kanak Melayu. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 193–209.
- Rashidah Mohd, Saedah Siraj & Zaharah Hussin. (2018). Aplikasi kaedah Fuzzy Delphi dalam pembangunan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 57–67.
- Sabir Abdul Ghani & Fadzli Adam. (2014). Pemulihan Dadah Menurut Persepektif Agama di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 75–85.
- Sara Beden. (2020). Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). *Jurnal Linguistik*, 24(1), 51–80.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1), 67–87.
- Tabarī, Muhammad Jarīr. (2001). *Tafsīr al-Tabarī*. ('Abdullah 'Abd al-Muhsin al-Turkī, Ed.). Kaherah: Dār Hijr.